



BUKU PANDUAN

SKIM PEMBANGUNAN KEUPAYAAN SUMBER TENAGA DI SEKTOR SWASTA (PSTS)

**DI BAWAH
DANA SUMBER MANUSIA**

**JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

ISI KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN	2
Pendahuluan	3
Objektif	3
Sasaran Kumpulan	3
Jenis-Jenis Sub-Skim	4
BAB 2: SYARAT-SYARAT DAN KEMUDAHAN SUB-SKIM PENINGKATAN AKADEMIK	5
Syarat-Syarat Utama	5
Syarat-Syarat Kelayakan	7
Peringkat Sarjana (Masters)	7
Peringkat Ijazah Pertama (First Degree)	8
Peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma)	8
Syarat-Syarat Tambahan	9
Calon yang Berjaya Menamatkan Kursus	12
Pemohon yang Tidak Dipertimbangkan	12
Kemudahan	13
Tatacara Menghadapkan Permohonan	14
Peraturan-Peraturan Lain	15
BAB 3: SYARAT-SYARAT DAN KEMUDAHAN SUB-SKIM PROFESIONAL	17
Syarat-Syarat Utama	18
Syarat-Syarat Kelayakan	19
Syarat-Syarat Tambahan	19
Pemohon yang Tidak Dipertimbangkan	20
Kemudahan	20
Tatacara Menghadapkan Permohonan	21
Tatacara Penganugerahan Biasiswa	22
LAMPIRAN 1: ELAUN-ELAUN DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN	23
Kemudahan Sara Hidup	23
Kemudahan Pelajaran	24
Kemudahan Lain	25
LAMPIRAN 2: NEGARA TEMPAT KURSUS MENGIKUT KUMPULAN	26

BAB 1

PENGENALAN

BAB 1

PENGENALAN

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Skim Pembangunan Keupayaan Sumber Tenaga Di Sektor Swasta ini adalah sebahagian daripada usaha untuk menyahut Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Skim ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti sumber tenaga manusia bukan saja di sektor Kerajaan, malah juga di sektor swasta. Ini adalah untuk memperkukuhkan lagi sektor swasta agar dapat mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Untuk menyahut Wawasan Brunei 2035 untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.
- 2.2. Memberi peluang yang sama kepada anak tempatan di sektor swasta sama seperti yang diberikan kepada pekerja di sektor Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan mereka supaya menjadi lebih berdaya saing, profesional dan *marketable*.
- 2.3. Untuk membangun bangsa dan mengurangkan ketergantungan kepada pekerja asing.
- 2.4. Meningkatkan pembekalan anak tempatan yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.
- 2.5. Memberi peluang bagi rakyat dan penduduk tetap yang mempunyai kelayakan untuk meningkatkan tahap pendidikan dan profesionalisma tetapi tidak berkemampuan dari segi kewangan.

3. SASARAN KUMPULAN

- 3.1. **Rakyat** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan **Penduduk Tetap** Negara Brunei Darussalam yang bekerja di sektor swasta;

- 3.2. Pekerja yang mempunyai **sekurang-kurangnya satu tahun** pengalaman bekerja di sektor swasta atau bekerja di sektor Kerajaan secara berkontrak (termasuk *Site Staff*); dan
- 3.3. Pekerja yang berpotensi tinggi, berkelebihan dan disokong oleh majikan atau yang berniat untuk menukar ke bidang kerjaya lain.

4. JENIS-JENIS SUB-SKIM

Di bawah skim ini terdapat dua jenis sub-skim, iaitu:

4.1. Sub-Skim Peningkatan Akademik (SPAk)

Pekerja di sektor swasta akan diberikan bantuan kewangan untuk membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan, Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan khususnya Sarjana.

4.2. Sub-Skim Profesional (SProf)

Pekerja di sektor swasta akan diberikan bantuan kewangan untuk mengikuti kursus profesional (atau Diploma Lulusan Ijazah atau Ikhtisas) seperti ACCA, CFA, RIBA dan sebagainya tetapi secara tuntutan sahaja.

BAB 2

SYARAT-SYARAT DAN KEMUDAHAN SUB-SKIM PENINGKATAN AKADEMIK

BAB 2

SYARAT-SYARAT DAN KEMUDAHAN SUB-SKIM PENINGKATAN AKADEMIK

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1. **Rakyat** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau **Penduduk Tetap** Negara Brunei Darussalam yang bekerja di sektor swasta.
- 1.2. Pemohon sedang bekerja dan mempunyai sekurang-kurangnya **satu tahun** pengalaman bekerja di sektor swasta di syarikat yang sama **dan** disokong oleh majikan untuk mengikuti program ini sama ada secara cuti belajar bergaji atau tidak bergaji tertakluk kepada perundingan bersama majikan. Pengalaman bekerja yang dimaksudkan adalah bekerja secara tetap atau *full-time* di Negara Brunei Darussalam.
- 1.3. Bagi yang bekerja sendiri (*self-employed*) tidak perlu menghadapkan surat sokongan dari majikan, memadai dengan menghadapkan **Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 dan 17**. Perniagaan hendaklah beroperasi secara aktif sekurang-kurangnya **satu tahun** dan ia perlu menghadapkan profil/prestasi syarikat beserta apa jua rujukan berkenaan.
- 1.4. Bagi memastikan kesahihan tempoh pekerjaan, calon perlulah menghadapkan salinan penyata Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang terkini.
- 1.5. Bagi pemohon yang mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman bekerja di sektor swasta di syarikat yang sama tetapi telah **meletak jawatan** boleh dipertimbangkan jika ada surat rujukan dari majikan untuk mengesahkan pekerjaan terdahulu.
- 1.6. Bagi pemohon yang bekerja di Kerajaan secara **berkontrak** dan tidak layak memohon Skim Latihan Dalam Perkhidmatan yang mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman bekerja boleh dipertimbangkan jika ada surat rujukan atau sokongan dari majikan.
- 1.7. Sub-Skim ini dibukakan untuk institusi **tempatan sahaja** bagi Peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan dan Peringkat Ijazah Pertama, manakala bagi Peringkat Sarjana akan dibukakan kepada institusi di **dalam dan luar negeri**.
- 1.8. Sub-Skim ini dibukakan bagi pengajian sepenuh masa (*full-time*) dan secara sambilan (*part-time*). Jika tempat pengajian adalah di **luar negeri**, cara pengajian hendaklah secara **sepuh masa** atau *full-time sahaja*.

- 1.9. Kursus dan institusi pengajian tinggi yang dipohonkan hendaklah diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (**MKPK**) atau Brunei Darussalam *Technical and Vocational Education Council* (**BDTVEC**).
- 1.10. Bagi kursus di luar negeri, institusi pengajian yang dipilih mestilah dari Universiti:
- 1.10.1. Bertaraf "**Top 50**" termasuk mengikut disiplin dari senarai **Times Online Good University Guide UK 2011** (<http://www.timesonline.co.uk>) atau **The Guardian University Guide 2012** (<http://www.guardian.co.uk/education/universityguide>); atau
 - 1.10.2. Bagi Australia, mesti dalam senarai Universiti bertaraf **lima bintang** (*five star*) dan **empat bintang** (*four star*); atau
 - 1.10.3. Bagi negara-negara lain, mestilah dari Universiti dalam senarai **Top 400 World University Ranking 2011** (<http://www.topuniversities.com>).
- 1.11. Bagi pemohon yang tidak mempunyai kelulusan akademik formal seperti yang disenaraikan dalam syarat kelayakan di bawah boleh dipertimbangkan jika ia memperolehi tawaran pengajian dari universiti yang diiktiraf oleh MKPK berdasarkan kepada pengalaman kerja (*mature students*).
- 1.12. Kursus yang dipohon dan disokong hendaklah **berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab serta jawatan yang dipegang** oleh calon tersebut.
- 1.13. Kursus yang dipohon berlainan dengan tugas dan tanggungjawab
- 1.14. Kursus yang dipohon berlainan dengan tugas dan tanggungjawab boleh dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pandu PSTS tetapi perlu disahkan dengan justifikasi terperinci samaada untuk memenuhi **keperluan perancangan syarikat, Negara atau future career development plans** calon itu sendiri.
- 1.15. Kerajaan tidak akan membiayai kursus yang berbentuk *Twinning*, matrikulasi atau yang sebanding dengannya.
- 1.16. Pemohon yang telah menerima anugerah biasiswa dari majikan tidak akan dipertimbangkan untuk menerima biasiswa Skim PSTS ini jika kursus yang dipohon adalah sama seperti yang telah atau sedang dibiayai majikan atau mana-mana biasiswa.

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

2.1. Peringkat Sarjana (*Masters*)

- 2.1.1. Memperolehi ijazah pertama dari universiti yang diiktiraf oleh MKPK termasuk institusi pengajian tempatan.
- 2.1.2. Memenuhi syarat-syarat kemasukan dan mendapat tawaran pengajian daripada universiti yang diiktiraf oleh MKPK termasuk universiti tempatan.
- 2.1.3. Tempoh pengajian maksimum secara am ialah sehingga dua tahun akademik tertakluk kepada keperluan rasmi kursus yang diikuti.
- 2.1.4. Memperolehi International English Language Testing System (IELTS) Overall Band 7.0 atau tertakluk kepada keperluan rasmi kursus universiti, kecuali bagi pelajar yang mengikuti pengajian yang bahasa penghantar bukan menggunakan Bahasa Inggeris.

2.2. Peringkat Ijazah Pertama (*Degree*)

- 2.2.1. Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (*Higher National Diploma*) dalam bidang kursus yang relevan; **atau** memperolehi sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge peringkat 'A' (GCE A Level); **atau** kelulusan yang sebanding dengannya.
- 2.2.2. Memenuhi syarat-syarat kemasukan dan mendapat tawaran pengajian daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh MKPK termasuk universiti tempatan.
- 2.2.3. Tempoh pengajian maksimum secara am ialah sehingga empat tahun akademik tertakluk kepada keperluan rasmi kursus yang diikuti.
- 2.2.4. Memperolehi International English Language Testing System (IELTS) Overall Band 6.0 atau tertakluk kepada keperluan rasmi kursus universiti, kecuali bagi pelajar yang mengikuti pengajian yang bahasa penghantar bukan menggunakan Bahasa Inggeris.

2.3. Peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan (*Higher National Diploma*)

- 2.3.1. Mempunyai kelulusan Sijil Tertinggi Kebangsaan (*Higher National Certificate*) atau Diploma Kebangsaan (*National Diploma*) dalam bidang kursus yang relevan; **atau** memperolehi sekurang-kurangnya 1 mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge peringkat 'A' (GCE A Level); **atau** kelulusan yang sebanding dengannya.
- 2.3.2. Memenuhi syarat-syarat kemasukan dan mendapat tawaran pengajian daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh MKPK termasuk universiti tempatan.

- 2.3.3. Tempoh pengajian maksimum secara am ialah sehingga dua tahun setengah akademik secara sepenuh masa (*full-time*) atau tiga tahun akademik secara sambilan (*part-time*) tertakluk kepada keperluan rasmi kursus yang diikuti.
- 2.3.4. Memperolehi International English Language Testing System (IELTS) Overall Band 6.0 atau tertakluk kepada keperluan rasmi kursus universiti, kecuali bagi pelajar yang mengikuti pengajian yang bahasa penghantar bukan menggunakan Bahasa Inggeris.

3. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

- 3.1. Bagi pemohon Ijazah Lanjutan (Masters), jika berkenaan, dikehendaki menyertakan **cadangan bidang kajian (*research proposal*) yang dapat menunjukkan kesesuaian tajuk (*topic*) dan perinciannya sejajar dengan perancangan strategik syarikat atau Negara.**
- 3.2. Calon dimestikan menandatangani surat perjanjian dengan pihak Kerajaan.
- 3.3. Disahkan sihat dalam pemeriksaan kesihatan.
- 3.4. Lulus Ujian Lisan Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Ujian Lisan Bahasa Melayu.
- 3.5. Calon yang lulus tidak semestinya akan mendapat jawatan di sektor Kerajaan mahupun di sektor swasta dan tidak semestinya layak disokong dinaikkan pangkat selepas lulus pengajian dan ianya adalah tertakluk kepada perundingan di antara calon dan majikan.
- 3.6. **Menarik Diri**
 - 3.6.1. Calon yang sudah menerima tawaran, jika menarik diri tanpa sebab yang kukuh dan munasabah sebelum kursus bermula, calon akan dikenakan membayar balik apa jua perbelanjaan awal dan elaun pendahuluan yang telah diberikan oleh Kerajaan. Calon ini tidak akan dipertimbangkan untuk diberi peluang di masa akan datang.
 - 3.6.2. Calon yang sedang mengikuti pengajian, jika berhenti tanpa sebab yang kukuh dan munasabah sebelum kursusnya berakhir akan dikenakan membayar balik kesemua kos pengajian (termasuk yuran dan elaun) sepanjang kursus.
- 3.7. **Penangguhan Kursus**

- 3.7.1. Bagi calon yang telah mendapat kebenaran tetapi belum memulakan kursus hendaklah mendapatkan pengesahan institusi, sokongan terkini dari majikan (jika berkenaan) dan menyertakan sebab-sebab penangguhan tersebut.
- 3.7.2. Bagi calon yang sedang mengikuti kursus hendaklah mendapatkan pengesahan institusi, sokongan terkini dari majikan (jika berkenaan), laporan kemajuan akademik dan menyertakan sebab-sebab penangguhan tersebut.
- 3.7.3. Calon wanita yang mengandung boleh menghadapkan permohonan untuk menangguhkan kursus dengan menyertakan laporan kesihatan dan pengesahan kebenaran dari institusi pengajian mengenai penangguhan berkenaan berserta maklumat mengenai jangkaan tarikh memulakan kursus selepas cuti bersalinnya berakhir.
- 3.7.4. Perkara-perkara tersebut di atas akan dihadapkan ke Jawatankuasa Pandu PSTS untuk pertimbangan selanjutnya.

3.8. Gagal dalam Pengajian

- 3.8.1. Calon yang gagal peperiksaannya bagi kali pertama dan dibenarkan mengulang peperiksaan (*resit*) hendaklah meneruskan pengajian dalam **kursus dan tempat yang sama** dan tidak dibenarkan menangguhkan kursus. Bayaran bagi mengulang peperiksaan (*resit*) hendaklah **ditanggung sendiri** oleh calon tersebut.
- 3.8.2. Jika calon gagal dan terpaksa mengulang tahun pengajian (*repeat*), ia hanya akan dibenarkan menambah maksimum **satu tahun pengajian** daripada tempoh asal tawaran yang disahkan tertakluk kepada keperluan rasmi institusi.
- 3.8.3. Jika calon mengulang tahun pengajian (iaitu *repeat* setahun pengajian):
 - a. Calon akan diturunkan dari Skim PSTS Penuh kepada Skim PSTS Biasa dan kemudahan seperti Elaun Sara Hidup akan **dikurangkan** sebanyak 30% dan Elaun Buku dan Elaun Bantuan Projek akan **ditiadakan** bagi tahun yang diulang.
 - b. Calon tidak akan disambung secara automatik bagi tahun pengajian berikutnya. Calon boleh menghadapkan permohonan untuk mengulang semula kepada pihak JPKE dengan menyertakan laporan pengajian yang lengkap dan terkini dari institusi pengajian calon dan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pandu PSTS.

- c. Calon dibenarkan menukar kursus atau tempat pengajian jika ia gagal atau *repeat* setahun pengajian pada kali pertama. Calon tersebut hanya akan menerima kemudahan Skim PSTS Biasa.
- 3.8.4. Calon yang gagal menamatkan pengajian seperti yang ditetapkan (selepas mengulang satu tahun pengajian) dimestikan membayar balik kesemua **kos pengajian** (termasuk yuran dan elaun) sepanjang kursus dan tindakan undang-undang akan diambil.
 - 3.8.5. Calon yang gagal dan tidak dibenarkan mengulang oleh institusi hendaklah memaklumkan kepada JPKE selewat-lewatnya sehari (bagi calon dalam negeri) dan tiga hari (bagi calon luar negeri) setelah menerima keputusan gagal dari institusi pengajian.
 - 3.8.6. Calon yang gagal dan tidak dibenarkan mengulang oleh Kerajaan hendaklah **melapor diri ke JPKE** selewat-lewatnya sehari (bagi calon dalam negeri) dan satu minggu (bagi calon luar negeri) setelah berada di Negara Brunei Darussalam.

3.9. Menukar Kursus atau Tempat Pengajian

- 3.9.1. Calon yang ingin menukar kursus atau tempat pengajian yang sudah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pandu PSTS dimestikan memaklumkan dan mendapat kebenaran dari pihak JPKE terlebih dahulu. Penukaran kursus atau tempat pengajian hanya akan dibenarkan **jika tempoh pengajian tidak berubah daripada yang dipersetujui** termasuk tempoh kelonggaran setahun.

3.10. Penamatan Biasiswa

- 3.10.1. Calon yang didapati melakukan apa jua kesalahan yang tersebut di bawah akan ditamatkan biasiswa dengan serta merta dan dikehendaki **membayar balik kesemua kos pengajian sepanjang kursus:**
 - a. Gagal dalam peperiksaan (sila rujuk kepada para 3.7)
 - b. Penyalahgunaan dadah
 - c. Melanggar undang-undang jenayah
 - d. Penglibatan dalam Pergerakan atau pertubuhan Politik
 - e. Penyelewengan dari kepercayaan ahli Sunnah Wal Jamaah bagi penuntut-penuntut yang beragama Islam
 - f. Mengembangluaskan agama lain selain daripada agama Islam
 - g. Calon yang berhenti atau menarik diri semasa berkursus

- 3.10.2. Calon yang dikehendaki membayar balik kos pengajian kerana sebab perkara-perkara di atas dan gagal membayar balik kos pengajian akan diambil tindakan undang-undang.

4. CALON YANG BERJAYA MENAMATKAN KURSUS

- 4.1. Calon hendaklah memaklumkan tarikh tamat pengajian kepada pihak JPKE atau wakil Kerajaan di luar negeri sekurang-kurangnya dua bulan sebelum kursus berakhir.
- 4.2. Bagi calon yang menuntut di seberang laut adalah diatitkan segera balik ke tanahair selewat-lewatnya **satu minggu selepas tamat pengajian** dan akan diberikan kemudahan-kemudahan seperti di bawah:
- 4.2.1. Tambang satu hala ke Negara Brunei Darussalam.
- 4.2.2. Pengiriman barang-barang persendirian (sila rujuk Lampiran 1, para 3.2).
- 4.3. Calon yang telah berjaya tamat pengajian adalah dikehendaki untuk melapor diri kepada JPKE selewat-lewatnya **sehari selepas menamatkan kursus** dan bagi calon yang berkursus di luar negeri selewat-lewatnya **satu minggu selepas berada di Negara Brunei Darussalam**.
- 4.4. Calon adalah dikehendaki untuk menghadapkan **Laporan Kursus, iaitu Borang PSTS/C dan salinan Disertasi** (jika berkenaan) yang dijilid dengan hard cover sebaik saja menamatkan kursus dan selewat-lewatnya **3 minggu dari tarikh selepas melapor diri**. Salinan **sijil kelulusan** hendaklah dihadapkan kepada Ketua Pengarah JPKE selewat-lewatnya **14 hari dari sijil diterima**.

Nota: Definasi **tarikh tamat pengajian** adalah tarikh peperiksaan terakhir pengajian atau tarikh terakhir menyerahkan disertasi.

5. PEMOHON YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN

- 5.1. Tidak memenuhi kehendak syarat-syarat seperti yang ditetapkan di perenggan 1 hingga 3.
- 5.2. Pemohon tidak akan dipertimbangkan untuk mengikuti kursus di tahap yang sama dengan kelulusan yang telah diperolehi. Bagaimanapun pertimbangan akan diberikan jika bidang yang dipohonkan itu adalah berlainan dan diperlukan oleh tugas, tanggungjawab dan jawatan yang dipegang atau yang akan dijalankan di masa akan datang mengikut perancangan.
- 5.3. Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan sama ada dalam jawatan tetap, percubaan, gaji hari, sebulan ke sebulan atau open vote tidak akan dipertimbangkan.

- 5.4. Permohonan yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan atau yang tidak lengkap diisi atau sijil dokumen yang dihadapkan tidak disahkan atau mempunyai maklumat palsu tidak akan dipertimbangkan.

6. KEMUDAHAN

- 6.1. Kemudahan yang akan diperolehi adalah diringkaskan seperti dalam **Jadual 1** dan kadarnya adalah seperti dalam **Jadual 2**. Sila rujuk **Lampiran 1** untuk keterangan lebih lanjut mengenai elaun dan **Lampiran 2** untuk senarai Negara tempat kursus mengikut kumpulan.

Jadual 1: Elaun yang diberikan kepada calon Skim PSTS khususnya SPAk

Kemudahan	Kekerapan	Ijazah Lanjutan	HND, Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan	
		Luar Negeri	Dalam Negeri (Full-time)	Dalam Negeri (Part-time)
Yuran Pengajian dan Peperiksaan	Tahunan	✓	✓	✓
Elaun Sara Hidup	Bulanan	✓	✓	✗
Elaun Tempat Tinggal	Bulanan	✓	✗	✗
Elaun Perjalanan	Bulanan	✓	✓	✗
Elaun Buku	Tahunan	✓	✓	✓
Elaun Bantuan Projek	Sekali	✓	✓	✓
Tambang Penerbangan	Dua kali (Satu hala)	✓	✗	✗
Pengiriman Barang Setelah Tamat Kursus	Sekali	✓	✗	✗

Nota: Pembayaran Elaun Buku dan Elaun Bantuan Projek hanya akan dibuat secara tuntutan sahaja.

Jadual 2: Kadar elaun-elaun yang diberikan kepada calon Skim PSTS

Jenis Elaun	Jenis Skim	Kadar Elaun Mengikut Kumpulan Negara (BND)			
		Kumpulan A	Kumpulan B	Kumpulan C	Brunei Darussalam
Elaun Sara Hidup	Penuh	1,800	1,500	1,200	800
	Biasa	1,200	1,000	800	533
Elaun Tempat Tinggal	Penuh/Biasa	1,200	1,000	500	Tidak diberikan
Elaun Perjalanan	Penuh/Biasa	100	80	50	50
Elaun Buku	Penuh	500	500	500	500
	Biasa	Tidak diberikan			
Elaun Bantuan Projek	Penuh	500	500	500	500
	Biasa	Tidak diberikan			

Nota: Kadar ini akan direbiu dari semasa ke semasa

6.2. Kemudahan Bagi Calon yang Gagal Menamatkan Pengajian

6.2.1. Calon-calun yang gagal menamatkan pengajian mereka mengikut tempoh asal yang dibenarkan atau tempoh lanjutan yang masih sesuai dipertimbangkan dan jika dibenarkan untuk meneruskan latihan mereka maka biasiswa di bawah **Skim PSTS Penuh** akan diubah kepada **Skim PSTS Biasa**. Jenis-jenis kemudahan yang akan dihulurkan dalam Skim PSTS Biasa adalah seperti berikut:

- a) Yuran Pengajian (Kerajaan akan membayar yuran kursus sahaja)
- b) Elaun Sara Hidup (kadarnya dikurangkan dari yang asal seperti yang terkandung dalam **Jadual 2**)
- c) Elaun Tempat Tinggal (kadarnya sama seperti yang terkandung dalam **Jadual 2**)
- d) Elaun Perjalanan (kadarnya sama seperti yang terkandung dalam **Jadual 2**)
- e) Elaun Buku dan Elaun Bantuan Projek akan ditiadakan

7. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

7.1. Pemohon hendaklah memohon untuk mendapatkan tawaran tempat kursus dari institusi yang berkenaan sebelum memohon biasiswa Skim PSTS.

7.2. Pemohon hendaklah mengisi **Borang PSTS/A**. Borang permohonan boleh diperolehi dari **www.depd.gov.bn** dan dikembalikan kepada:

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia,
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi,
Bilik 2A8:02, Tingkat 8, East Wing,
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping,
Bandar Seri Begawan, BA 1311.

- 7.3. **Lampiran A: Laporan Sulit** hendaklah dihadapkan bersama Borang PSTS/A tetapi disertakan dalam sampul surat yang dimeterai oleh majikan.
- 7.4. Pemohon hendaklah mengembalikan borang yang telah lengkap diisi berserta dengan semua salinan sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan.
- 7.5. Penilaian calon yang disokong atau untuk diberikan tawaran, jika diperlukan, akan dibuat melalui sistem ujian atau/dan temuduga.
- 7.6. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan PSTS/A dan disahkan oleh majikan:
- Salinan sijil-sijil kelulusan akademik
 - Salinan sijil-sijil kelulusan bahasa Inggeris (jika berkenaan)
 - Salinan sijil kerakyatan Negara Brunei Darussalam (jika berkenaan)
 - Salinan surat beranak
 - Salinan kad pengenalan
 - Salinan surat penerimaan tawaran tempat kursus, jika ada
 - Salinan surat tawaran pekerjaan dari majikan
 - Salinan penyata Tabung Amanah Pekerjaan (TAP) yang terkini
 - Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 dan 17 (jika berkenaan)
 - Lampiran A: Laporan Sulit
 - Lampiran B: Maklumat Kursus

8. PERATURAN-PERATURAN LAIN

8.1. Meninggalkan Negeri Tempat Berkursus

- 8.1.1. Meninggalkan negeri tempat belajar semasa sesi kursus berjalan perlu mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) dengan pengesahan rasmi pusat pengajian di mana calon menjalani kursus.
- 8.1.2. Meninggalkan negeri tempat belajar semasa cuti pengajian, kebenaran tidak perlu diperolehi daripada mana-mana pihak tetapi memadai dengan memberi makluman kepada Ketua Pengarah JPKE atau wakil Kerajaan di luar negeri.

8.2. Percutian Meninggalkan Tempat Berkursus

- 8.2.1. Elaun Sara Hidup dan Elaun Tempat Tinggal dibayar seperti biasa di sepanjang cuti pengajian untuk ditadbir sendiri sekalipun melibatkan percutian meninggalkan tempat belajar untuk kembali ke tanah air atau ke Negara-negara lain.

BAB 3

SYARAT-SYARAT DAN KEMUDAHAN SUB-SKIM PROFESIONAL

BAB 3

SYARAT-SYARAT DAN KEMUDAHAN SUB-SKIM PROFESIONAL

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1. **Rakyat** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau **Penduduk Tetap** Negara Brunei Darussalam yang bekerja di sektor swasta.
- 1.2. Pemohon sedang bekerja dan mempunyai sekurang-kurangnya **satu tahun** pengalaman bekerja di sektor swasta di syarikat yang sama **dan** disokong oleh majikan untuk mengikuti program ini sama ada secara cuti belajar bergaji atau tidak bergaji tertakluk kepada perundingan bersama majikan. Pengalaman bekerja yang dimaksudkan adalah bekerja secara tetap atau *full-time*.
- 1.3. Bagi yang bekerja sendiri (*self-employed*) tidak perlu menghadapkan surat sokongan dari majikan, memadai dengan menghadapkan **Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 dan 17**. Perniagaan hendaklah beroperasi secara aktif sekurang-kurangnya **satu tahun** dan ia perlu menghadapkan profil/prestasi syarikat beserta apa jua rujukan berkenaan.
- 1.4. Bagi memastikan kesahihan tempoh pekerjaan, calon perlulah menghadapkan salinan penyata Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang terkini.
- 1.5. Bagi pemohon yang mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman bekerja di sektor swasta di syarikat yang sama tetapi telah **meletak jawatan** boleh dipertimbangkan jika ada surat rujukan dari majikan untuk mengesahkan pekerjaan terdahulu.
- 1.6. Bagi pemohon yang bekerja di Kerajaan secara **berkontrak** dan tidak layak memohon Skim Latihan Dalam Perkhidmatan yang mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman bekerja boleh dipertimbangkan jika ada surat rujukan atau sokongan dari majikan.
- 1.7. Sub-Skim ini dibukakan kepada pengajian di dalam dan luar negeri.
- 1.8. Pada masa ini, Kerajaan hanya akan membukakan biasiswa Sub-Skim Profesional bagi bidang-bidang berikut:
 - 1.8.1. **Kewangan**
 - i. Certified Accounting Technician (CAT)
 - ii. The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
 - iii. Chartered Institute of Management Accountant (CIMA)

- iv. Chartered Financial Analyst (CFA)
- v. Certified Internal Audit (CIA)

1.8.2. **Pembinaan**

- i. Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)
- ii. Australian Institute of Quantity Surveyors (AIQS)
- iii. Royal Institute of British Architects (RIBA)
- iv. Institute of Civil Engineers (ICE)
- v. Institute of Mechanical Engineers (IME)
- vi. Institute of Electrical Engineers (IEE)

Nota: Senarai ini akan diperluaskan di masa hadapan mengikut keperluan Negara.

- 1.9. Kursus yang dipohon hendaklah **berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab serta jawatan yang dipegang** oleh calon tersebut.
- 1.10. Kursus yang dipohon berlainan dengan tugas dan tanggungjawab boleh dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pandu PSTS tetapi perlu disahkan dengan justifikasi terperinci samaada untuk memenuhi **keperluan perancangan syarikat, Negara atau *future career development plans* calon itu sendiri.**
- 1.11. Kerajaan tidak akan membiayai kos yuran keahlian untuk menjadi ahli badan profesional.
- 1.12. Pemohon yang telah menerima anugerah biasiswa dari majikan tidak akan dipertimbangkan untuk menerima biasiswa Sub-Skim Profesional ini jika kursus yang dipohon adalah sama seperti yang telah atau sedang dibiayai majikan atau mana-mana biasiswa.

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 2.1. Memenuhi semua pra-syarat (*pre-requisite*) yang ditentukan oleh badan profesional yang relevan.
- 2.2. Mendapat kebenaran dari badan profesional antarabangsa atau/dan tawaran pengajian di institusi yang diiktirafkan oleh ahli badan profesional yang relevan, baik di dalam atau luar negeri.

3. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

- 3.1. Calon dimestikan menandatangani surat perjanjian dengan pihak Kerajaan.
- 3.2. Disahkan sihat dalam pemeriksaan kesihatan.

- 3.3. Lulus Ujian Lisan Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Ujian Lisan Bahasa Melayu.
- 3.4. Calon yang lulus tidak semestinya akan mendapat jawatan di sektor Kerajaan dan tidak semestinya layak disokong dinaikkan pangkat selepas lulus pengajian dan ianya adalah tertakluk kepada perundingan di antara calon dan majikan.

4. PEMOHON YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN

- 4.1. Tidak memenuhi kehendak syarat-syarat seperti yang ditetapkan di perenggan 1 hingga 3.
- 4.2. Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan sama ada dalam jawatan tetap, percubaan, gaji hari, sebulan ke sebulan atau open vote tidak akan dipertimbangkan.
- 4.3. Permohonan yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan atau yang tidak lengkap diisi atau sijil dokumen yang dihadapkan tidak disahkan atau mempunyai maklumat palsu tidak akan dipertimbangkan.

5. KEMUDAHAN

- 5.1. Kemudahan yang akan diperolehi oleh calon Sub-Skim Profesional adalah diringkaskan seperti dalam **Jadual 3**.

Jadual 3: Elaun yang diberikan kepada calon Skim PSTS khususnya SProf

Kemudahan	Kekerapan	Sub-Skim Profesional
		Dalam atau Luar Negeri
Yuran Pengajian dan Peperiksaan	Sekali bagi setiap peperiksaan atau peringkat pengajian	✓
Elaun Buku	Sekali	✓
Tambang Penerbangan	Sekali	✓

Nota: Pembayaran Elaun Buku adalah dibuat secara tuntutan sahaja.

- 5.2. Calon SProf hanya layak menerima Yuran Pengajian dan Peperiksaan sekali sahaja bagi setiap peperiksaan (modul) atau peringkat pengajian. Pembayaran yuran kursus adalah berasaskan tuntutan rasmi institusi pengajian atau badan profesional yang berkenaan.
- 5.3. Calon SProf akan diberikan Elaun Buku dan Tambang Penerbangan **sekali sahaja** bagi setiap kursus profesional dan pembayarannya hanya akan dibuat secara tuntutan (*per claim*) dengan menyertakan salinan asal resit berkenaan. Kadar maksimum Elaun Buku yang layak dituntut adalah BND 500.

6. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 6.1. Pemohon hendaklah memohon untuk mendapatkan tawaran tempat kursus dari institusi atau badan profesional yang berkenaan sebelum memohon biasiswa Skim PSTS.
- 6.2. Pemohon SProf hendaklah mengisi **Borang PSTS/A**. Borang permohonan diperolehi dari **www.depd.gov.bn** dan dikembalikan kepada:

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia,
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi,
Bilik 2A8:02, Tingkat 8, East Wing,
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping,
Bandar Seri Begawan, BA 1311.

- 6.3. **Lampiran A: Laporan Sulit** hendaklah dihadapkan bersama Borang PSTS/S tetapi disertakan dalam sampul surat yang dimeterai oleh majikan.
- 6.4. Pemohon hendaklah mengembalikan borang yang telah lengkap diisi berserta dengan semua salinan sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan.
- 6.5. Penilaian calon yang disokong atau untuk diberikan tawaran, jika diperlukan, akan dibuat melalui sistem ujian atau/dan temuduga.
- 6.6. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan PSTS/A dan disahkan oleh majikan adalah:

- Salinan sijil-sijil kelulusan akademik
- Salinan sijil-sijil kelulusan bahasa Inggeris (jika berkenaan)
- Salinan sijil kerakyatan Negara Brunei Darussalam (jika berkenaan)
- Salinan surat beranak
- Salinan kad pengenalan
- Salinan surat penerimaan tawaran tempat kursus, jika ada
- Salinan surat tawaran pekerjaan dari majikan
- Salinan penyata Tabung Amanah Pekerjaan (TAP) yang terkini
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 dan 17 (jika berkenaan)
- Lampiran A: Laporan Sulit
- Lampiran B: Maklumat Kursus

Nota:

Permohonan ini juga dibukakan kepada semua rakyat dan penduduk tetap yang **sedang** menjalani kursus profesional secara sepenuh masa atau sambilan dan bolehlah menghadapkan permohonan untuk pertimbangan Jawatankuasa Pandu

PSTS selanjutnya. Pembayaran balik atau tuntutan hanya akan diberikan bermula dari tarikh permohonan diluluskan.

7. TATACARA PENGANUGERAHAN BIASISWA

- 7.1. Borang permohonan calon SProf akan dihadapkan ke Jawatankuasa Pandu PSTS untuk pertimbangan selanjutnya. Jika calon itu disokong oleh Jawatankuasa Pandu PSTS, calon tersebut akan dianugerahkan biasiswa Skim PSTS dan ia bolehlah menuntut yuran pengajian dan peperiksaan dari tarikh ia dianugerahkan biasiswa tersebut.
- 7.2. Calon SProf tersebut hendaklah membayar sendiri terdahulu segala yuran pengajian dan peperiksaan untuk mengikuti kursus profesional yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pandu PSTS, dan ia bolehlah menuntut semula yuran pengajian tersebut daripada JPKE setelah lulus peperiksaan.
- 7.3. Elaun Buku dan Tambang Penerbangan juga boleh dituntut daripada JPKE dengan menghadapkan resit asal.

ELAUN-ELAUN DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN

1. KEMUDAHAN SARA HIDUP (*LIVING BENEFITS*)

Huraian elaun-elaun yang akan diterima oleh calon SPAk dan SProf seperti dalam **Jadual 1** dan **Jadual 3** adalah seperti berikut:

1.1. Elaun Sara Hidup

Elaun Sara Hidup akan diberikan secara bulanan kepada calon **SPAk** yang belajar **sepanjang masa (*full-time*)** sahaja termasuk pelajar di luar dan dalam negeri.

Negara Tempat Pengajian	Skim PSTS Penuh (BND)	Skim PSTS Biasa (BND)
Kumpulan A	1,800	1,200
Kumpulan B	1,500	1,000
Kumpulan C	1,200	800
Brunei Darussalam	800	533

1.2. Elaun Tempat Tinggal

Elaun Tempat Tinggal akan diberikan secara bulanan kepada calon SPAk yang belajar di luar negeri secara **sepanjang masa (*full-time*)** sahaja.

Nota: Jika ada suami dan isteri berjaya mendapat tawaran Skim PSTS pada masa yang sama dan mengikuti pengajian di tempat yang sama, hanya salah seorang dari suami atau isteri sahaja yang akan menerima Elaun Tempat Tinggal.

Negara Tempat Pengajian	Skim PSTS Penuh dan Biasa (BND)
Kumpulan A	1,200
Kumpulan B	1,000
Kumpulan C	500
Brunei Darussalam	Tidak diberikan

1.3. Elaun Perjalanan

Elaun Perjalanan akan diberikan secara bulanan kepada calon **SPAk** yang belajar secara sepanjang masa (*full-time*) sahaja termasuk pelajar di luar dan dalam negeri.

Negara Tempat Pengajian	Skim PSTS Penuh dan Biasa (BND)
Kumpulan A	100
Kumpulan B	80
Kumpulan C	50
Brunei Darussalam	50

2. KEMUDAHAN PELAJARAN

2.1. Yuran Pengajian (Tuition Fees)

Bagi calon **SPAk**, Kerajaan akan membayar:

- i. Yuran utama kursus berasaskan tuntutan rasmi institusi pengajian, dan
- ii. Yuran kursus tambahan atau program rasmi termasuk "*field trip*" yang berkenaan berasaskan tuntutan.

Bagi calon **SProf**, Kerajaan akan membayar:

- i. Yuran pengajian dan peperiksaan tetapi dibayar **setelah lulus peperiksaan** secara tuntutan sahaja.

2.2. Elaun Buku

Elaun Buku adalah dikhususkan untuk membantu pembelian buku teks dan yang berkaitan dengan bahan bacaan dan rujukan calon tersebut.

Negara Tempat Pengajian	Skim PSTS Penuh (BND)	Skim PSTS Biasa (BND)
Kumpulan A	500	Tidak diberikan
Kumpulan B	500	
Kumpulan C	500	
Brunei Darussalam	500	

Calon **SPAk** akan layak menerima Elaun Buku pada kadar maksimum BND 500 setiap tahun dan pembayarannya adalah dibuat secara tuntutan sahaja dengan menyertakan salinan asal resit berkenaan.

Calon **SProf** juga layak menerima Elaun Buku dan pembayarannya akan dibuat secara tuntutan dengan menyertakan salinan asal resit berkenaan. Kadar maksimum ialah BND 500 bagi setiap kursus profesional.

2.3. Elaun Bantuan Projek

Elaun Bantuan Projek dikhususkan untuk menampung perbelanjaan membuat projek yang berkaitan dengan kursus yang diambil. Calon **SPAk** boleh membuat tuntutan perbelanjaan tersebut dengan menyertakan resit asal segala pembelian. Kadar maksimum bayaran elaun ini sepanjang pengajian adalah seperti berikut:

Negara Tempat Pengajian	Kadar Maksimum (BND)
Kumpulan A	500
Kumpulan B	500
Kumpulan C	500
Brunei Darussalam	500

3. KEMUDAHAN LAIN

3.1. Tambang Penerbangan

Calon **SPAk** yang mengikuti pengajian di luar negeri adalah berhak untuk mendapatkan kemudahan tambang penerbangan kadar tiket termurah seperti berikut:

- a. Di awal penganugerahan biasiswa ke Negara berkenaan - satu hala;
- b. Setelah tamat pengajian balik ke Negara Brunei Darussalam - satu hala;
- c. Calon yang digantung atau ditamatkan biasiswanya – satu hala balik ke Negara Brunei Darussalam.

Calon **SProf** hanya layak menerima kemudahan Tambang Penerbangan sekali sahaja bagi setiap kursus profesional yang diikuti.

Nota:

- i. Pemohon tidak dibenarkan memohon tambang penerbangan melimpasi tahun kewangan yang dikhususkan.
- ii. Pemohon yang berhajat untuk mengawalkan atau menangguhkan tambang di perenggan 3.1 di atas hendaklah terlebih dahulu menghadapkan surat permohonan ke JPKE atau wakil Kerajaan di luar negeri.

3.2. Pengiriman Barang Setelah Tamat Pengajian

Setiap calon **SPAk** yang belajar di luar negeri akan dibenarkan menghantar barang persendirian atas perbelanjaan Kerajaan seperti berikut:

- a. Bayaran penghantaran melalui kapal udara di bawah "*accompanied excess baggage*" pada kadar 20 kilogram.
- b. Bayaran penghantaran melalui kapal laut pada kadar 2.6 meter padu dan pembelian peti-peti tidak melebihi ukuran berkenaan dengan perkhidmatan "*door to port*". Calon hendaklah menghadapkan tiga *quotation* dan harga yang terendah akan digunakan.

LAMPIRAN 2

NEGARA TEMPAT KURSUS MENGIKUT KUMPULAN

Kumpulan	Nama Negeri
Kumpulan A (Termasuk Negara-negara lain yang mempunyai tahap perbelanjaan sarahidup yang sebanding)	United Kingdom, United States of America, Jepun, Russia, South Korea, Switzerland, Denmark, Hong Kong, Norway, Italy, France, Ireland, Austria, Sweden, Australia, Finland
Kumpulan B (Termasuk Negara-negara lain yang mempunyai tahap perbelanjaan sarahidup yang sebanding)	Turkey, Netherland, China (tetapi Beijing dan Shanghai di bawah Kumpulan A), Germany, Luxembourg, Singapore, Belgium, Spain, Vietnam, Jordan, Kuwait, New Zealand, Canada, Saudi Arabia, Mexico, Nigeria, Egypt
Kumpulan C (Termasuk Negara-negara lain yang mempunyai tahap perbelanjaan sarahidup yang sebanding)	Indonesia (Tetapi Jakarta adalah di bawah Kumpulan B), India, Malaysia, Thailand, Bangladesh, Sri Lanka, Philippines